



كوفراسي پوليس دراج مليسيا برحد

KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD

No. 1, Jalan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

(Co. No: 74/1925)

Tel: 03-2260 8999, 2260 8888 Fax: 03-2274 9782

Internet : www.kpd.com.my E-mail : info@kpd.com.my

Bilangan :

Tarikh :

KP/18

9 hb. Mei 2019

“BERJIMAT SAMBIL BERKHIMAT”

Pengerusi / Setiausaha / AJK

Ahli Jawatankuasa Kecil Daerah

KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD

Tuan / Puan,

**MAKLUMAN BERHUBUNG KADAR NISBAH KEBERHUTANGAN YANG
DIGUNAPAKAI UNTUK PEMBIAYAAN OLEH KOPERASI POLIS DIRAJA
MALAYSIA BERHAD**

1. LATARBELAKANG

1.1 Hasil daripada kajian pasaran dan permintaan di kalangan anggota KPDRM, satu penetapan kadar nisbah had keberhutangan (“Debt Service Ratio” – DSR) yang baru digunakan dalam pengiraan had kelayakan pembiayaan KPDRM.

1.2 Di dalam masa yang sama juga pihak KPDRM telah mengenalpasti dan seterusnya mengambilkira lain-lain punca pendapatan yang di luar daripada gaji anggota sebagai sebahagian dari pendapatan bulanan anggota.

2. TUJUAN

2.1 Mesyuarat Anggota Lembaga yang bersidang pada 30/04/2019 telah mengambil ketetapan bagi menggunakan pendekatan pengiraan had kelayakan permohonan pembiayaan berdasarkan kepada kadar DSR serta lain-lain punca pendapatan sebagai sebahagian pendapatan.

2.2 Ketetapan yang diambil serta dipersetujui tersebut bukanlah merupakan sebahagian daripada Aturan Pembiayaan KPDRM, sebaliknya sebagai pendekatan yang digunakan dalam proses

pengiraan permohonan pembiayaan sahaja dan tertakluk kepada keputusan dari masa ke semasa Anggota Lembaga untuk penilaian semula sekiranya perlu.

3. PENGIRAAN KADAR NISBAH HAD KEBERHUTANGAN (“DSR”)

3.1 Kadar nisbah had keberhutangan (“DSR”) bagi permohonan pembiayaan KPDRM adalah berdasarkan kepada jumlah gaji kasar pemohon berdasarkan kepada jadual yang berikut :-

Kategori Pemohon	Cadangan Pengiraan Kadar DSR	
	Pendapatan Bulanan	DSR
Anggota KPDRM (Taraf jawatan adalah tetap)	Di bawah RM2,000.00 (Tertakluk kepada kelulusan Ibu Pejabat)	50%
	RM2,000.00 – RM3,000.00	60%
	RM3,001.00 – RM5,000.00	70%
	RM5,001.00 dan ke atas	75%

3.2 Jumlah Kadar DSR adalah sebagai garis panduan sahaja, tertakluk kepada **had potongan gaji 60%** yang telah ditetapkan oleh Kementerian Dalam Negeri serta PDRM itu sendiri.

3.3 Kadar DSR adalah mekanisma yang digunapakai dalam mengira had maksima permohonan pembiayaan sahaja, tertakluk kepada budibicara KPDRM bagi pemohon pembiayaan yang mempunyai status keberhutangan luar yang tidak teratur serta kritikal.

4. PENGIRAAN LAIN-LAIN PENDAPATAN

4.1 Kriteria lain-lain pendapatan yang diambilkira sebagai lain-lain pendapatan pemohon hanyalah serta terhad kepada dua (2) kriteria utama yang di bawah sahaja:-

Bil.	Situasi	Rasional	Mekanisme Pengiraan	
			Pembuktian	Kadar
1.	Miliki rumah lebih dari satu unit	Rumah adalah aset yang boleh dijual semula serta mempunyai nilai kedua	Pembuktian adalah menerusi: ✓ Dokumen perjanjian	60% daripada pendapatan sewa bulanan adalah dikira sebagai sebahagian
	• Rumah kedua dan berikutnya adalah disewakan			
	• Rumahkedai yang disewakan			

	• Menetap di kuarters tapi miliki rumah yang disewakan		sewa ✓ Penyata bank	pendapatan bulanan
2.	Miliki kenderaan lebih dari satu unit	Kenderaan adalah aset yang boleh dijual semula namun biasanya lebih rendah nilainya	Pembuktian adalah menerusi:- ✓ Dokumen perjanjian sewapajak ✓ Penyata bank	50% daripada pendapatan sewa pajak adalah dikira sebagai sebahagian pendapatan bulanan
	• Kenderaan tersebut adalah dipajak @ disewakan			

4.2 Mekanisme pengiraan lain-lain pendapatan di atas adalah sebagai garis panduan sahaja, tertakluk kepada **had potongan gaji 60%** yang telah ditetapkan oleh Kementerian Dalam Negeri serta PDRM itu sendiri.

4.3 Lain-lain Pendapatan adalah mekanisma yang digunapakai dalam mengira had maksima permohonan pembiayaan sahaja, tertakluk kepada budibicara KPDRM bagi pemohon pembiayaan yang mempunyai status keberhutangan luar yang tidak teratur serta kritikal.

5. TARIKH KUATKUASA

5.1 Pelaksanaan ketetapan di para (3) dan (4) adalah berkuatkuasa serta-merta mulai dari pekeliling ini.


6. PENUTUP

Sehubungan dengan itu, besarlah harapan kami agar Tuan / Puan dapat memanjangkan perkara ini kepada anggota KPDRM di daerah masing-masing.

Sekian, terima kasih.

"Sejahtera Bersama Koperasi PDRM"

Yang Benar



DATO' HJ. ROSLI BIN DIN
SETIAUSAHA